

**REKABENTUK DAN REKACORAK MATAWANG DI MALAYSIA
SATU KAJIAN TENTANG UNSUR - UNSUR TRADISIONAL
DAN KEISLAMAN**

**NOR ASHIKIN BIN ABU BAKAR
90121201**

**DIPLOMA KAJIAN SENIUKIS SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM
SESSI 93/94**

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum, warahmatullah.

Berbanyak-banyak syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan keizinanNyalah maka saya dapat menyempurnakan tesis ini. Di atas berkat kesabaran serta dorongan dan kerjasama dari pihak-pihak tertentu sesungguhnya amat berharga bagi diri ini dan mencatatkan satu kenangan yang abadi.

Rakaman jutaan terima kasih buat isteri yang tersayang, ibu, ayah dan adik-adik, kerana dorongan, kerjasama serta doa restu kalian menjadikan diri ini semakin tabah dan bersemangat.

Ingatan yang berpanjangan juga saya tujukan kepada pihak Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, Galeri KSSR, Perpustakaan Tun Abdul Razak ITM, Muzium Matawang Bank Negara dan Muzium Sultan Abu Bakar Pahang. Terima kasih juga buat En.Awang Damit Ahmad dan Puan Jahani Ali selaku penasihat tesis, pensyarah-pensyarah dan kakitangan Jabatan Seni Halus.

Buat Kak Fauziah Zakaria, terima kasih di atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan sepanjang saya menjalankan kajian.

Akhir sekali diucapkan ribuan terima kasih buat insan-insan yang bergelar rakan, diatas segala nasihat, kritikan dan dorongan. Semoga kita sama-sama mencapai apa yang kita impikan selama ini. Tidak lupa juga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah akan Membalas jasa kalian semua. Sekian.

SINOPSIS

Tujuan _

Setiap hari kita menggunakan wang untuk berbelanja. Tanpa disedari bahawa matawang yang kita gunakan itu sebenarnya merupakan matawang yang mempunyai berbagai-bagai rekabentuk dan rekacorak yang indah. Tapi kita tidak pernah cuba mengkaji apakah rekaan-rekaan yang indah yang terkandung di dalam matawang berkenaan.

Berdasarkan atas kesedaran inilah saya telah memilih tajuk tesis yang bertemakan wang sebagai kajian. Terdapat dua tujuan tesis ini dibuat iaitu:

- i) mengkaji sejarah perkembangan matawang di Malaysia.
- ii) mengkaji unsur-unsur tradisi dan keislaman yang terdapat di dalam matawang siri baru Malaysia. (terdapat, mungkin)

Memang benar pihak Bank Negara ada mengeluarkan buku-buku, artikel ataupun risalah-risalah berkenaan dengan matawang Malaysia. Tapi berdasarkan pengkajian saya, tidak ada terdapat satu bukupun yang menerangkan secara terperinci rekabentuk dan rekacorak yang terdapat dalam matawang berkenaan.

Saya cuba mengkaji sedapat mungkin unsur-unsur tradisional dan keislaman yang terdapat dalam matawang berkenaan. Semoga dengan terlaksananya tesis ini kelak sekurang-kurangnya masyarakat sedar bahawa matawang yang direka sedemikian rupa sebenarnya mempunyai keindahannya yang tersendiri.

JADUAL ISI KANDUNGANmuka surat

Halaman pemeriksa	
Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Jadual isi kandungan	vii
Senarai lampiran dan sisipan	ix

BAB 1

1.1	Definisi tajuk	1
1.2	Pengenalan	1
1.3	Apa itu wang?	2
1.4	Definisi wang	
1.5	Sejarah Awal Matawang	4
1.6	Jenis-jenis Matawang	5

BAB 2

Reka bentuk wang negeri-negeri Melayu sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan zaman kemerdekaan.

2.1	Sejarah Awal	8
2.2	Reka bentuk wang negeri-negeri Melayu sebelum Penjajahan	
2.3	Reka bentuk wang negeri-negeri Melayu semasa Penjajahan	13
2.4	Reka bentuk wang kertas dan duit syiling keluaran Bank Negara Malaysia siri lama.	16

BAB 1

1.1 DEFINISI TAJUK

Menurut kamus Dewan, rekabentuk bererti corak ataupun bentuk sesuatu yang direka. Rekabentuk juga membawa erti rancangan (corak,bentuk) yang disusun.

Perkataaan rekacorak pula bererti satu rekaan ataupun ciptaan bunga-bunga pada kain, barang-barang anyaman, tenunan dan lain-lain.

Perkataan unsur didefinisikan pula sebagai bahagian dari sesuatu benda, sifat atau keadaan.

Tradisi bererti sesuatu yang bersifat atau bercorak tradisi (bersifat lama).

1.2 PENGENALAN

Apabila berbicara mengenai wang, kita sering teringatkan betapa besarnya peranan wang pada masa kini. Sesetengah orang mengatakan bahawa tanpa wang, manusia tidak boleh hidup, padahal orang-orang asli yang masih primitif hidupnya dan ada yang langsung tidak mengenali apa itu wang masih boleh hidup dengan berburu di hutan atau bercucuk-tanam. Binatang masih boleh hidup tanpa memerlukan wang untuk berbelanja !.

Jika dizaman dahulu, wang tidak pernah disebut tau dikenali seperti hari ini, tapi peredaran waktu membuatkan nilai wang begitu penting dalam kehidupan sehingga ada yang sanggup menjadi hamba kepada wang dan sanggup mati kerananya. Tidak kurang juga ada yang menganggap wang adalah tuhan dan raja sega-